

PEMBANGUNAN MAMPAN SHAH ALAM

PELAKSANAAN INISIATIF HIJAU

10 JUN 2014

HOTEL PULLMAN, BANGSAR



ISI KANDUNGAN

1.0 LATARBELAKANG

2.0 INISIATIF HIJAU

3.0 ZON BERSIH

**4.0 LAIN-LAIN INISIATIF HIJAU YANG TELAH
DILAKSANAKAN**

5.0 CABARAN

6.0 KESIMPULAN






PELAKSANAAN INISIATIF HIJAU

1.0 LATARBELAKANG



1.1 MAKLUMAT RINGKAS SHAH ALAM

Shah Alam



Selangor

KAWASAN	290.3 KM ²
DAERAH	DAERAH PETALING DAN SEBAHAGIAN KLANG
POPULASI	650,000 orang
PEMILIKAN HARTA	200,000 unit
SEKSYEN	56 SEKSYEN
BUNGA RASMI	ANGGERIK – RENANTANDA SHAH ALAM
BIL. SUNGAI	9
BIL. KAMPUNG	30
BIL. INDUSTRI	51,415 unit (2009)
BIL. KEDAI / PEJABAT	29,369 unit (2009)
PEJABAT CAWANGAN	2 CAWANGAN
KAWASAN REKREASI/ HIJAU	2123.55 hektar (7.32%)

1.2 ASAS PERMULAAN



- Kerajaan Negeri Selangor menerapkan strategi pembangunan mampan.



Julai 2000

- Shah Alam dipilih **projek perintis Local Agenda 21** mewakili PBT untuk kawasan bandar
- MBSA menjadikan **nilai-nilai Pembangunan Mampan** ini sebagai satu agenda dalam melaksanakan pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal.

1.3 LOGO DAN WAWASAN LA21 SHAH ALAM



“ Menjadikan Shah Alam Sebuah Bandaraya Bestari Yang Indah, Berdaya Maju dan Harmonis Dengan Alam sekitar Ke arah Mewujudkan Masyarakat Madani Melalui Nilai-nilai Pembangunan Mampan ”



PELAKSANAAN INISIATIF HIJAU

2.0 INISIATIF HIJAU



2.1 DEFINISI

- Sebuah Bandar yang dirancang dengan prinsip **Bandar mapan**, mempunyai program-program dan inisiatif-inisiatif bagi **memelihara alam sekitar** dan **sumber-sumber semulajadi** dengan tujuan untuk **mengurangkan kesan negatif aktiviti manusia ke atas alam sekitar**.
- Aspek-aspek lain yang sering dikaitkan dengan konsep Bandar hijau adalah:
 - i. Pengurusan sumber jaya boleh diperbaharui dan tidak boleh diperbaharui (*renewable and non-renewable resources*),
 - ii. Pengurusan sisa pepejal dan pengurangan tahap gas rumah hijau (*green house gas –GHG*) seperti karbon dioksida (*carbon dioxide-CO₂*) kesan dari pelbagai aktiviti manusia.

Merangkumi unsur ekonomi, alam sekitar dan sosial seperti yang digariskan oleh empat (4) objektif seperti berikut:

- Untuk membantu pertumbuhan dalam industri teknologi hijau dan meningkatkan sumbangan kepada ekonomi negara.
- Untuk meningkatkan keupayaan bagi inovasi dalam pembangunan teknologi hijau dan meningkatkan daya saing dalam teknologi hijau di persada antarabangsa.
- Untuk meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam terhadap teknologi hijau.
- Menggalakkan penggunaan meluas teknologi hijau terhadap masyarakat.





PELAKSANAAN INISIATIF HIJAU

3.0 ZON BERSIH



3.1 APA ITU ZON BERSIH

- Satu kawasan yang telah dikenalpasti dan dipilih berdasarkan tahap kebersihan yang tidak memuaskan untuk dinaiktaraf sebagai kawasan bersih.

MATLAMAT

- Untuk memupuk kesedaran dan budaya cintakan kebersihan melalui penglibatan komuniti, serta menjadikan negeri Selangor sebuah negeri yang paling bersih, berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.



3.2 KONSEP KEJIRANAN HIJAU

- MBSA memberi penekanan kepada strategi dan inisiatif “Kejiranan Hijau” di dalam pelaksanaan pembangunan.
- Pemilihan tema ini sebagai antara strategi pelaksanaan program Zon Bersih MBSA, dilihat tepat pada masanya, selaras dengan agenda global terutamanya untuk meningkatkan dan memupuk kesedaran awam terhadap teknologi hijau bagi mencapai hasrat pembangunan mampan dengan persekitaran kehidupan yang sihat, terutama di bandar-bandar yang padat.



PELAN TINDAKAN

GARISPANDUAN KEJIRANAN HIJAU

1. EKOLOGI & ALAM SEKITAR

- Membina struktur berbumbung untuk teduhan di hadapan gerai Sek 2 & sekolah
- Mendirikan papantanda alu-aluan ke Shah Alam & kaw riadah di zon penampnan
- Inventori Pokok
- Meningkatkan kemudahan awam & OKU secara menyeluruh



2. PERSEKITARAN HIJAU

- Pejalan kaki yang bersambung (connected) di hadapan sekolah (3 buah sekolah)
- Menyediakan tong sampah kitar semula di hadapan sekolah-sekolah



3. REKABENTUK KEJIRANAN & PENGANGKUTAN

- Kawasan pejalan kaki yang selamat, terang
- Pemasangan CCTV
- Maklumat bantuan keselamatan dipaparkan dengan jelas
- Pusat pertemuan komuniti
- Menyediakan pekhidmatan bas komuniti



PELAN TINDAKAN

GARISPANDUAN KEJIRANAN HIJAU

4. CIRI-CIRI BANGUNAN HIJAU

- Memperbaiki aliran udara di gerai makan MBSA
- Galakan kepada pemilik bangunan / kediaman untuk mencantikkan bangunan & guna teknologi hijau
- Memasang struktur untuk pelajan kaki hijau

5. PENGURUSAN AIR, TENAGA & SISA PEPEJAL

- Menggunakan tadahan air hujan untuk tandas awam dan siraman pokok landskap
- Mengalakkan memproses baja kompos (sisa kebun & sisa makanan) di sekolah
- Menggunakan teknologi hijau sepenuhnya di kawasan riadah dalam zon penampan
- Mewujudkan pusat kitar semula
- Membina kawasan TLK telap air di tanah berhampiran Rumah Aman.

6. KOMUNITI HIJAU

- Aktiviti gotong royong secara berkala
- Pertandingan Landkap / Halaman Cantik
- Mengalakkan program kitar semula di kalangan komuniti dan pelajar sekolah
- Menyediakan pusat komuniti
- Penubuhan Kelab Basikal 2,3,4



3.3 AMALAN TERBAIK PROGRAM ZON BERSIH

Inisiatif Penghijauan Lorong Belakang Di Kawasan Perumahan Seksyen 4, Shah Alam

Program ini menekankan konsep kerjasama dan bantuan bersama antara masyarakat atau komuniti di kawasan kejiranan mereka bagi mewujudkan lorong belakang yang bersih, ceria, menarik dan selamat.



Menjadikan lorong-lorong belakang satu tempat yang **bersih, hijau, selamat, ceria dan ruang masyarakat berinteraksi.** Rakan kongsi terdiri daripada badan-badan korporat, institusi agama (MAIS/JAIS, surau-surau), institusi pendidikan (Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (JPNS)/sekolah-sekolah), penduduk setempat dan juga para sukarelawan.



3.3 AMALAN TERBAIK PROGRAM ZON BERSIH

SISTEM PENGUMPULAN AIR HUJAN (SPAHS)

Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan di mana air hujan di kumpulkan daripada bumbung dan kemudiannya disalurkan ke tangki penyimpanan air hujan sebelum digunakan.

FAEDAH PEMASANGAN (SPAHS)


- i. Pemasangan SPAHS di bangunan akan dapat mengurangkan permintaan bekalan air awam.
- ii. SPAHS akan dapat membantu membekalkan air jika terdapat krisis bekalan air awam.
- iii. SPAHS dapat mengurangkan air larian permukaan (*surface runoff*) daripada memasuki sistem saliran awam.
- iv. Pihak berkuasa bekalan air dapat menjimatkan operasi pemprosesan air di loji-loji air, sekali gus dapat menjimatkan tenaga elektrik dan meningkatkan kecekapan tenaga negara.



Contoh SPAHS Di Ken Rimba,
Seksyen 16 Shah Alam



Cadangan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPA) di Surau Seksyen 2, 3 dan 4



SURAU SEKSYEN 2



SURAU SEKSYEN 3



SURAU SEKSYEN 4

3.3 AMALAN TERBAIK PROGRAM ZON BERSIH

TEMPAT LETAK KENDERAAN TELAPAN AIR DI SEKSYEN 2 SHAH ALAM

Tujuan Pembinaan/Fungsi

Pengurusan air larian secara semulajadi meliputi elemen alam semulajadi dan buatan manusia.

Turapan Telap Air

Turapan konkrit yang dibina berfungsi untuk meresapi air larian dipermukaan jalan secara semulajadi melalui liang-liang turapan konkrit tersebut.

Material

- Interlocking paving (jenis uni grasspave)
- Cold asphalt premix (environmentally friendly)

Kebaikan

- Pengurusan air larian secara semulajadi
- Less maintenance, kekerapan kerosakan di kawasan parking dapat dikurangkan kerana bahannya yang tahan lasak.



3.3 AMALAN TERBAIK PROGRAM ZON BERSIH

KOMPOS SISA MAKANAN DI SEKOLAH SEKSYEN 4

- Pengkomposan merupakan kaedah yang mampu menguruskan sampah organik seharian kita.
- Hampir 45 peratus daripada sampah sarap di rumah kita setiap hari terdiri daripada sayur-sayuran dan sisa makanan.
- Menjadi kelaziman bahawa sampah akan terus dilonggokkan dalam satu beg plastik berserta dengan sampah-sampah yang lain.
- Campuran bahan-bahan buangan atau sisa pertanian yang mereput serta terurai melalui proses penguraian bakteria menjadi baja semula jadi yang baik untuk kesuburan tanah.
- Pengkomposan dapat meneruskan kelestarian alam sekeliling kita selain amat menjimatkan malahan ianya adalah percuma sahaja.



3.3 AMALAN TERBAIK PROGRAM ZON BERSIH

TREK BASIKAL SHAH ALAM

Trek Basikal / Trek Jogging Shah Alam Fasa Pertama sepanjang 2.0 km berkelebaran 10 kaki dengan kemasan 'premix'. Lokasi tersebut terletak di kawasan hijau Seksyen 4, di tepian kawasan perumahan dengan kos sebanyak RM480,000.00 telah siap pada Disember 2012 lalu. Mempunyai elemen seperti 2 unit gazebo, 10 unit peralatan outdoor gym, 3 unit jambatan, papan tanda informasi, papan tanda keselamatan, papan tanda arah dan 'railing' keselamatan.



3.3 AMALAN TERBAIK PROGRAM ZON BERSIH

KOLAM TADAHAN TAMAN LEMBAH BUKIT SUK

Kolam Tadahan Taman Lembah Bukit SUK, Seksyen 5, Shah Alam berkeluasan 8 hektar di kaki bukit ini. Terdapat 2 buah kolam di kawasan ini yang berfungsi sebagai '*retention pond*'. Konsep pembangunan berteraskan kepada pemeliharaan dan rekreasi, mengekalkan tumbuh-tumbuhan sedia ada dan diperkaya dengan pokok-pokok baru sebagai kawasan lindungan dan penempatan burung, unggas dan lain-lain.



3.3 AMALAN TERBAIK PROGRAM ZON BERSIH

BUMBUNG HIJAU DI TANDAS AWAM

Asas rekabentuk tandas ini adalah berdasarkan konsep alam semulajadi selain menitikberatkan pemeliharaan dan rekreasi dengan mengimbangi pembangunan sekeliling. Ciri-ciri yang diambil kira dalam pembinaan tandas awam baru termasuk penggunaan bahan binaan serta perkakasan yang tahan lama, penyelenggaraan yang mudah serta memenuhi keperluan pengguna beragama islam, golongan kurang upaya dan warga emas, kesesuaian konsep rekabentuk, pencahayaan dan pengudaraan semulajadi juga digunakan bagi mempertingkatkan suasana ceria di ruang dalaman tandas awam ini.





PELAKSANAAN INISIATIF HIJAU

4.0 LAIN-LAIN INISIATIF HIJAU YANG TELAH DILAKSANAKAN




PELAKSANAAN INISIATIF HIJAU

4.1 Laman Seni Shah Alam


Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah mewujudkan Laman Seni Shah Alam bertujuan untuk menyediakan platform kepada orang ramai khususnya golongan pelajar untuk menyerlahkan bakat dan kreativiti melalui aktiviti persembahan, pameran dan seni lukisan mural. Pihak MBSA juga telah melaksanakan inisiatif untuk mengindahkan lagi lorong belakang di kawasan komersial Seksyen 2. Projek ini berjaya direalisasikan melalui **perkongsian pintar** (smart partnership) di antara pihak MBSA dan syarikat korporat iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad yang telah memberikan sumbangan wang tunai bagi menjayakan projek ini. Selain itu komitmen yang jitu dan mantap telah diberikan oleh para pelajar dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang telah mengecat dan melukis mural pelbagai corak dan motif di lorong belakang tersebut.



4.2 PENYEDIAAN TAMAN AWAM MENGIKUT HIRARKI



KOTA KEMUNING




Keluasan kawasan : 1854.85 ekar

Precinct 8: **Setia Impian**
Community Parkland @ **Town Park** 20 ac

Setia
SP SETIA BHD GROUP


SETIA ALAM



Aerial View Of Town Park

Precinct 8: Setia Impian
ECO VILLAGES "In Touch With Nature"

Setia
SP SETIA BHD GROUP



Rain Tree Drive

Keluasan kawasan : 2710.394 ekar

4.3 MEMAKSIMAKAN PENGGUNAAN RUANG AWAM YANG DAPAT DIINTEGRASIKAN DENGAN PENYEDIAAN KAWASAN LANSKAP DAN RIADAH YANG BERSESUAIAN





TAMAN BERBUKIT



RAIN WATER HARVESTING

4.4 PENYEDIAAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DIINTEGRASIKAN DENGAN KONSEP & PENYEDIAAN LANSKAP YANG MENARIK



SISTEM PERPARITAN BERLANSKAP



LANDSKAP DI TEPI JALAN

4.5 PENYERTAAN KOMUNITI BAGI MEMASTIKAN PENJAGAAN LANSKAP DAN REKREASI YANG MAKSIMA



REKREASI BERPUSAT



REKREASI DI BELAKANG KEDIAMAN

4.6 PENJAGAAN & PENYELENGGARAAN KAWASAN HUTAN DAN TAMAN HUTAN DENGAN MENGGALAKKAN PENYERTAAN KOMUNITI & NGO



4.7 PROGRAM MENGHIJAUKAN BANDAR



4.8 SHAH ALAM TREES FOR LIFE

Program “Trees For Life” ini telah dilaksanakan semenjak tahun 2010 lagi. Pada tahun 2012, sebanyak 8 siri program telah diadakan. Program ini melibatkan pelbagai agensi iaitu Penduduk Shah Alam, IPTA, IPTS, NGO’s dan Syarikat Swasta. Program ini memberikan kesan yang baik terhadap alam sekitar, dan pada masa yang sama mewujudkan suasana yang berbeza kepada para pengunjung dan penduduk sekitar kawasan serta menanamkan sifat cintakan alam sekitar dan mampu memberikan impak yang positif di kalangan belia.



4.9 TAMAN HERBA

Program Taman Herba diadakan bersempena Hari Alam Sekitar Sedunia. Taman ini terletak bersebelahan Taman Hutan Bandar Seksyen 5, Shah Alam. Taman ini juga berfungsi sebagai lokasi Program Perintis Hijau dan sebanyak 700 pokok herba telah ditanam di Taman Herba ini.



4.10 TREK BASIKAL / PEDESTRIAN

i. INISIATIF MBSA : PELAN INDUK TREK BASIKAL PUSAT BANDAR SEKSYEN 14 SHAH ALAM

Panjang Keseluruhan trek basikal = 6.891km
Kos Pembangunan = 4.5 Juta


TREK JOGGING DAN BASIKAL
DI KAWASAN HIJAU
SEKSYEN 4 SHAH ALAM



TREK JOGGING DAN BASIKAL
DI KAWASAN HIJAU
PUSAT BANDAR SHAH ALAM



ii. INISIATIF PEMAJU :



SETIA ALAM



4.11 KEBUN KEJIRANAN

Perkebunan kejiranan merupakan aktiviti pertanian yang dijalankan di kawasan kejiranan sama ada diusahakan secara individu atau komuniti. Penduduk boleh mendapatkan bekalan sayur dari hasil tanaman kebun tanpa perlu pergi membeli di kedai menggunakan kenderaan bermotor. Kebun Kejiranan juga boleh berfungsi sebagai elemen mengeratkan hubungan sosial antara penduduk melalui aktiviti bersama.



Kebun Kejiranan di TTDI



Kebun Kejiranan di TTDI



Kebun Kejiranan Di Taman Alam Megah



Kebun Kejiranan Di Taman Bukit Jelutong

4.12 BAJA KOMPOS

Program ini merupakan 'platform' dalam mewujudkan masyarakat yang lebih mampan melalui program berteraskan LA21. Penglibatan penduduk ini akan meningkatkan lagi kefahaman dan penghayatan di kalangan warga Shah Alam dalam melaksanakan program LA21 Shah Alam. Secara tidak langsung ia akan mewujudkan semangat kitar semula bahan buangan isi rumah kepada bahan yang lebih berfaedah.



4.13 PROGRAM KITAR SEMULA

PROGRAM BERSAMA SEKOLAH

Program Kitar Semula ini adalah bagi memupuk semangat pelajar sekolah agar mengamalkan kitar semula dikalangan rakan sebaya dan guru. Ia juga bagi meningkatkan kesedaran kepada golongan muda dalam menggunakan semula bahan terbuang.



4.14 PROGRAM PERINTIS HIJAU

Tapak semaian, seksyen 17, Taman Tasik Shah Alam dan Taman Hutan Bukit SUK telah dipilih sebagai 3 lokasi untuk melaksanakan program ini bersama pelajar sekolah. Melalui Program ini, pelajar-pelajar mendapat pendedahan awal mengenai pokok-pokok, kemahiran penjagaan, pembiakan pokok dan kesenian landskap. Nilai-nilai murni seperti mencintai alam sekitar, kepentingan pokok dan tanggungjawab terhadap alam sekitar dapat diterapkan di kalangan pelajar sekolah melalui program yang telah dijalankan.




4.15 DUSUN KOMUNITI

Program Dusun Komuniti adalah sebagai pendedahan kepada generasi bandar dan warga Shah Alam mengenai kepentingan sejarah dusun dan desa yang telah dilupakan dikampung. Program ini dapat memberi kesan kepada komuniti setempat agar dapat berinteraktif dan produktif serta dapat memberi kesan optima kepada ruang-ruang yang terbiar dan tidak ekonomik kepada yang lebih hijau dan mampan.



4.16 PROGRAM TAMAN ORKID DI SEKOLAH-SEKOLAH SHAH ALAM

Sekolah Menengah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Seksyen 2, Shah Alam



4.17 GREEN BUILDING

- Melalui projek PKNS, Majlis telah menekankan aspek 'Green Building' dimana Ibu Pejabat PKNS yang sedang giat membangun telah mendapat perakuan bagi memastikan taraf 'Platinum' melalui 'Green Building Index' yang diterapkan bagi mengekalkan kehijauan kawasan sekitar



Inisiatif yang akan terus dilaksanakan.


PENINGKATAN
KUALITI AIR



PENGURUSAN
SAMPAH



PEMBAZIRAN
SUMBER



PENURUNAN
INDEKS JENAYAH



BANDAR BEBAS
HALANGAN



PENINGKATAN
KUALITI TANDAS



KUALITI PREMIS
MAKANAN



PENGANGKUTAN
AWAM





PELAKSANAAN INISIATIF HIJAU

5.0 CABARAN



5.1 PERTUMBUHAN BANDAR BARU

BIL	KAWASAN / PEMBANGUNAN	LUAS KESELURUHAN (EKAR)	LUAS PLOT KOMERSIAL (EKAR)	NISBAH PLOT	ANGGARAN RUANG LANTAI (KP)
1	I-CITY , Seksyen 7	71.38	37.72	1:5	12,898,116.00
2	Pusat Bandar, Seksyen 14	366.24	162.01	Dari 0.5 - 6.92	19,219,554.06
3	Bukit Jelutong, Seksyen U8	2205.03	65.67	Dari 1:3 - 1:4	8,581,755.60 - 11,442,340.80
4	SP Setia , Seksyen U13	3934.493	240.0	1:5	52,272,000.00
5	Elmina , Seksyen U16	1087.61	89.86	1:4	15,657,206.40
6	Kwasa Land Sdn. Bhd, Seksyen U4	679.39	115.81	1:4	20,178,734.40
7	Kota Kemuning, Seksyen 31	1854.85	66.57	1:3	8,699,367.60
8	I & P Alam Impian, Seksyen 35	1546.51	125.48	1:3	16,397,726.40
	Jumlah	11,745.503	903.12		145,322,704.86

5.2 PENGURUSAN SISA PEPEJAL



KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : Kosmo TARIKH : 24/7/07 M/S : 13

Tambah tapak pelupusan sampah

Kosmo 24/7/07 m/13

PETALING JAYA – Lebih banyak tapak pelupusan sampah terbuka akan dibina sebagai sebahagian langkah untuk mengatasi masalah sisa pepejal selepas kerajaan membatalkan projek insinerator Broga bernilai RM1.5 billion awal bulan ini, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri

Ong Ka Ting.

Beliau berkata, pada masa ini kerajaan juga sedang melihat kepada cara-cara baru yang lain dalam menangani masalah pengurusan bahan buangan.

"Jawatankuasa teknikal telah menerima lebih 100 cadangan (berkenaan cara-cara baru), daripada insinerator,

RDF (Bahan Api Terbitan), MRF (Material Recovery Facility) dan teknologi-teknologi jenis lain. Kerajaan masih menjalankan penilaian.

"Sehingga itu, kita terpaksa bergantung kepada pusat pelupusan terbuka. Buat masa ini, beberapa pusat pelupusan terbuka yang baru sedang dibina oleh kerajaan

negari Selangor dan sektor swasta," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Sebelum ini, kerajaan merancang untuk membina insinerator Broga bagi menangani masalah pengurusan sampah yang di Lembah Klang kerana pusat pelupusan terbuka sedia ada semakin penuh. – Bernama



Kakitangan MBSA bantu kutip sampah

100 pegawai, penguat kuasa turun padang pastikan Shah Alam bersih

Oleh Hamid Karim
b1news@bahar.com.my

SHAH ALAM: Isu pengurusan sisa pepejal semakin merebakkan penduduk selepas kerajaan Selangor mengambil alih perkhidmatan pembersihan dan kutipan sampah di negeri itu daripada Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora).

Apa tidaknya, semakin banyak aduan diterima pihak berkuasa tempatan (PBT) sehingga pihak majlis terpaksa membuka talian khas bagi memudahkan penduduk membuat aduan secara terus.

Sentral turut menerima banyak aduan daripada penduduk yang tidak berpuas hati dengan keadaan sampah yang tidak berketup di kawasan rumah mereka dan menyuruh PBT bertindak segera mengatasinya.

Keadan itu memaksa lebih 100 pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengutip sampah di seluruh kawasan pentadbirannya, sejak sebulan lalu, sebagai langkah sementara mengatasi masalah berkenaan.

Operasi secara sukarela memba-

bitkan mereka yang bertugas di beberapa jabatan termasuk Penguatkuasaan, Korporat serta Taman dan Rekreasi itu bertujuan memastikan jadual kutipan sampah tidak terjejas sementara menunggu penjadualan semula tugas mengutip sampah diberikan kepada beberapa syarikat yang bakal dilantik.

Timbalan Pengarah Korporat MBSA, Shahrin Ahmad memberitahu Sentral operasi itu bermula akhir tahun lalu membabitkan warganya daripada pelbagai jabatan di MBSA sebagai langkah sementara bagi memastikan bandar raya ini terus bersih dan jadual kutipan sampah tidak terjejas selepas syarikat Alam Flora ditamatkan perkhidmatannya baru-baru ini.

"Usaha turun padang membabitkan pegawai dan kakitangan MBSA dilakukan sebagai keprihatinan mereka mengelak warga Shah Alam berdepan masalah sampah bertimbun. Ini langkah sementara sebelum penjadualan semula kutipan sampah yang diberikan kepada syarikat terpilih tidak lama lagi," katanya kepada Sentral.

Kerajaan Selangor membuat keputusan untuk mengambil alih



PEGAUAI dan kakitangan MBSA melakukan operasi mengutip sampah secara sukarela di sekitar premis perniagaan di Seksyen 31, Shah Alam.

kerja pembersihan berkuat kuasa 1 Ogos manakala pada 16 Oktober lalu memutuskan untuk turut mengambil alih perkhidmatan kutipan sampah.

Pemilik restoran, Anthony Ong, ketika ditemui mengakui masalah sampah tidak dikutip semakin ketara sejak kebelakangan ini dan menyambung baik usaha awal MBSA mengatasinya.

"Usaha ini seharusnya menjadi contoh pihak berkuasa tempatan (PBT) lain kerana selain dapat memastikan sampah dikutip secara berjadual, ia dapat menjimatkan wang rakyat," katanya.

Bilik Operasi Sampah MBSA

■ Telefon 03-55105461
■ Tempoh operasi jam 8 pagi hingga 12 tengah malam



5.3 KUALITI ALAM SEKITAR

BERITA HARIAN

05 SEPTEMBER 2012

AKHBAR :

TARIKH :

Tasik tempat nyamuk membiak

Shah Alam: "Tasik" terbiar bersebelahan Wisma Puncak Niaga di Seksyen 13, di sini, mengundang rasa tidak selesa masyarakat kerana bimbang air yang bertakung di situ menjadi tempat Aedes membiak.

Juruteknik, Mohd Azman Ismail, 16, berkata keadaan sebidang tanah terbiar yang akhirnya membentuk takungan air seperti tasik itu bukan saja menyakitkan mata memandangi tetapi boleh mengundang ancaman denggi.

"Jika semak-samun di sini tidak dibersihkan dan air tidak dikeringkan, ia mungkin menjadi tempat pembiakan Aedes.

"Lebih buruk apabila ada penduduk tidak bertanggungjawab, mengambil jalan mudah men-

buang sampah di situ menyebabkan takungan air di situ menjadi busuk," katanya ketika ditemui, di sini.

Mohd Azman berkata, "tasik" berkenaan juga tidak seharusnya dibiarkan saja kerana kedudukannya hampir dengan beberapa pangkapan selain terletak di tengah kawasan perumahan.

"Kawasan 'tasik' ini herada di tengah-tengah kawasan perumahan, termasuk beberapa pasar raya serta institut pendidikan. Sepatutnya ia dijaga, bukan dibiarkan begitu tanpa sebarang tindakan," katanya.

Peniaga, Roslina Tumiran, 35, berkata perkara itu sepatutnya tidak berlaku kerana Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

sebelum ini berusaha memrosi Shah Alam sebagai 'Bandar Dalam Taman'.

Katanya, jika MBSA mengambil inisiatif mengindahkan 'tasik' berkenaan, pasti ia akan menambah keceriaan landskap bandaraya berkenaan.

"Saya yakin jika tasik ini naan dibaik pulih, ia pasti menambahkan keceriaan bandaraya ini. Tambahan lagi, akan dapat berhampiran rumah di kawasan itu.

"Kalau cantik, pasti baik

SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA HARI INI

Memulihara sungai tercemar

Oleh ROHANA MAN
rohana.man@utusan.com.my

SETIAP tahun, penduduk dunia akan menyambut Hari Alam Sekitar pada tarikh 5 Jun. Pilihan tema tahun ini adalah 'Pelbagai Spesies, Satu Planet, Satu Masa Depan' (Many Species, One Planet, One Future). Jika diserut tentang alam sekitar, pasti tergambar di kepala kita betapa dunia ini sarat dengan pelbagai jenis masalah dan pencemaran. Selain isu pemanasan global yang tidak henti-henti dibincangkan umum, masalah lain seperti pencemaran sungai, pencabulan hutan, jerebu dan lain-lain turut menjadi perbualan hangat di merata dunia.

Tidak terkecuali, negara kita juga dilanda aneka bentuk pencemaran yang jika tidak ditangani akan membawa padah kepada seluruh generasi. Antara pencemaran yang begitu menjajal alam sekitar di kawasan bandar adalah sungai tercemar.



DR. AHMAD ZAHARIN

Satu ketika dahulu, sungai dikatakan sebagai nadi kehidupan masyarakat terutama pada zaman awal pembukaan penempatan manusia. Malah, bandar purba dan sebahagian bandar moden hari ini tumbuh dan berkembang di sekitar muara-muara sungai di seluruh dunia. Misalnya, penempatan bandar-perkotaan dunia lalu (4000 SM) di Mesopotamia dan Babylon dibina di lembangan sungai yang Manakala banyak bandar-bandar utama di sungai, misalnya Kuala Lumpur, Kuching, Kuantan dan Kuala Terengganu.



KEWUJUDAN bilangan yang banyak di tebing Sungai Pinang menyebabkan sungai ini tercemar teruk.

bagi terdapat di kedua-dua tebing sungai tersebut. Akibatnya, kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar sehingga mencapai ratusan juta ringgit untuk memulihkannya.

Penyarah Kanan Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Ahmad Zaharin Ari berkata, lebih 1,000

tercemar. "Jumlah itu memang besar, tetapi sebenarnya ia tidak mencukupi untuk memulihkan pencemaran sungai di seluruh negara," katanya kepada Utusan Malaysia.

Pencemaran sungai yang teruk mampu merencatkan pertumbuhan ekonomi negara manakala juga kos pemulihan sungai menjadi sangat mahal.

penapis diletakkan di sungai bagi memproses sistem pengedaran di dalam air sekali gus meningkatkan kualiti air.

Kaedah ini didapati berkesan dalam jangka masa pendek tetapi kurang praktikal untuk jangka masa panjang.

Manakala kaedah kimia melibatkan rawatan kualiti air dengan menggunakan bahan-bahan kimia tertentu.

Dr. Ahmad Zaharin yang menumpukan pada kaedah biologi berkata, ia menggunakan konsep teknologi hijau.

"Saya telah menjalankan kajian di makmal yang mana saya dapat terdapat mikroba dan bakteria yang telah diultra mampu merasat jenis bakteria yang digunakan adalah daripada kelapa sawit.

Menjelakan kaedah itu, katanya ekstrak yang diambil dari bakteria tersebut akan bertindak sebagai bahan pengumpul (bio-sungai) tercemar.

Mengulas mengenai punca utama pencemaran sungai, katanya ia berpunca daripada aktiviti pembangunan tanah dan pelepasan sisa dari kilang. Selain itu, penyumbang lain adalah sisa dari ladang ternakan babi yang ada sungai yang 'mati' akibatnya.

Sehubungan itu, Dr. Ahmad Zaharin menasihati tauke ternakan babi menerima cadangan supaya sistem ternakan berpusat dapat dijalankan di negara ini.


"Memang kos pemulihan mahal untuk membangunkan sistem ternakan berpusat seperti di negara maju, tetapi untuk jangka masa panjang, ia lebih baik. Boleh kita onang, mengang lebih baik daripada merasat," katanya yang merujuk pencemaran sungai merupakan antara faktor merembuknya wabak penyakit tertentu.

Berlalu yang kekal dengan sikap masyarakat tempatan yang masih tidak berubah dengan menjadikan sungai sebagai 'tong sampah' dengan masalah pencemaran haram lagi datang tanpa izin dari Indonesia, India, Sri Lanka dan Bangladesh.

Menurutnya, sikap pendatang tanpa izin termasuk pekerja asing dari negara-negara tersebut yang menjadikan kawasan tebing sungai sebagai tempat membuang sampah.



02/02/2011 05:38 PM





PELAKSANAAN INISIATIF HIJAU

6.0 KESIMPULAN



HARAPAN BANDARAYA SHAH ALAM

- Menjadikan nilai-nilai Pembangunan Mampan sebagai agenda melaksanakan pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal.
- Memastikan Pelan Tindakan Agenda 21 Shah Alam tercapai selaras dengan Matlamat Shah Alam Bandaraya Mampan.
- Melaksanakan Dasar 'Merakyatkan Pembangunan' melalui 'Penyertaan Awam'.
- Memastikan Pembangunan Yang Memenuhi Kehendak Dan Aspirasi Rakyat Dan Kerajaan.
- Merealitikan Wawasan Pembangunan Mampan Shah Alam

PENCAPAIAN

1997

- BEST PLANNING TOWNSHIP AWARD (MALAYSIAN INSTITUTES OF PLANNERS)

1999

- ANUGERAH PERANCANGAN TERBAIK (PERTUBUHAN PERANCANG BANDAR MALAYSIA)

2001

- BEST NEIGHBOURHOOD LANDSCAPE (KERAJAAN NEGERI SELANGOR)

2003

- PLANNING INNOVATION AWARD FOR DENAI ALAM SEKSYEN U16 (MALAYSIAN INSTITUTES OF PLANNERS)

2005

- ANUGERAH BANDAR LESTARI - KATEGORI WETLAND (KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN)

2006

- SETIA ECO PARK - ANUGERAH 'FIABCI PRIX D'EXCELLENCE' INTERNATIONAL PROPERTY AWARD : BEST MASTER PLAN CATEGORY

2007

- ANUGERAH KHAS BANDARAYA LESTARI : INISIATIF PENTADBIRAN ALAM SEKITAR.
- SETIA ECO PARK - ANUGERAH 'FIABCI PRIX D'EXCELLENCE' INTERNATIONAL PROPERTY AWARD :BEST MASTER PLAN CATEGORY WINNER,

2007-2011

- ANUGERAH BANDARAYA TERMAMPAN : MURNINET

2012

- ANUGERAH PELAKSANAAN INISIATIF KEJIRANAN HIJAU MELALUI PENYELIDIKAN KEBUN KEJIRANAN TERBAIK
- ANUGERAH KHAS KAJIAN SEMULA DAN PENGUKUHAN MURNINET 2011

2013

- ANUGERAH BANDAR MAMPAN 2012 MELALUI PROGRAM MURNINETS
- JOHAN KESELURUHAN ANUGERAH ZON BERSIH NEGERI SELANGOR



Sekian....

TERIMA KASIH

